



TARIKH TUTUP PENYERTAAN:

**11 APRIL  
2025**

**JOM  
SERTAI**

# Anugerah **INNOVASI** NEGERI SELANGOR 2025

HADIAH WANG TUNAI  
KESELURUHAN BERJUMLAH:  
**RM66,000.00**

**PELBAGAI  
KATEGORI**

PENYERTAAN ADALAH  
**PERCUMA**



PENYERTAAN ADALAH TERBUKA KEPADA SEMUA  
JABATAN/ AGENSI KERAJAAN, SYARIKAT SWASTA,  
INSTITUT PENGAJIAN TINGGI, SEKOLAH DAN INDIVIDU  
DI NEGERI SELANGOR SAHAJA.

GARIS  
PANDUAN  
AINS 2025



**KITASELANGOR**





**BORANG PENYERTAAN  
ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR  
TAHUN 2025**

**AINS-SA (KATEGORI SEKTOR AWAM)**

<input type="checkbox"/>	Trek Sosial	<input type="checkbox"/>	Trek Ekonomi	<input type="checkbox"/>	Trek Infrastruktur	<input type="checkbox"/>	Trek Keselamatan & Pentadbiran
--------------------------	-------------	--------------------------	--------------	--------------------------	--------------------	--------------------------	--------------------------------

**AINS (SELAIN KATEGORI SEKTOR AWAM)**

<input type="checkbox"/>	IPT	<input type="checkbox"/>	Swasta	<input type="checkbox"/>	Sekolah	<input type="checkbox"/>	Akar Umbi
--------------------------	-----	--------------------------	--------	--------------------------	---------	--------------------------	-----------

**PAUTAN/LINK VIDEO PENERANGAN PROJEK / PERSEMBAHAN/  
DEMONSTRASI DI YOUTUBE**

.....  
\* Sila pastikan pautan/*link* YouTube tersebut *unlisted* (boleh ditonton/dibuka oleh semua orang).

**MAKLUMAT PERIBADI / KUMPULAN / JABATAN**

Nama Individu / Jabatan & Agensi / Syarikat / IPT / Sekolah

.....

**MAKLUMAT KUMPULAN**

\* Untuk penyertaan berkumpulan sahaja

Nama Kumpulan : .....

Nama Ahli : 1. ....

2. ....

3. ....

4. ....

5. ....

6. ....

7. ....

**LAMPIRAN A**

- 8. ....
- 9. ....
- 10. ....

- \* Sila pastikan ejaan nama adalah jelas, betul dan tepat bagi penyediaan sijil penyertaan.
- \* Maksimum sepuluh (10) orang ahli sahaja bagi setiap kumpulan.

**Alamat Individu / Jabatan & Agensi / Syarikat / IPT / Sekolah :-**

.....  
.....  
.....  
.....

**No. Perhubungan :-**

No. Tel (R) : .....  
No. Tel (P) : .....  
No. Tel (B) : .....  
No. Faks : .....  
E-mel : .....

**Pengesahan Ketua Jabatan/ Agensi/ Majikan/ Dekan/ Pengetua/ Guru Besar dsbnya :-**

\_\_\_\_\_  
Tanda Tangan & Cap Rasmi

Tarikh :



## **GARIS PANDUAN ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS) TAHUN 2025**

### **1. TUJUAN GARIS PANDUAN**

Garis panduan ini bertujuan membantu pemohon untuk mengemukakan permohonan bagi menyertai Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS). Garis panduan ini menggariskan syarat-syarat kelayakan, syarat-syarat pertandingan, kriteria-kriteria penilaian, proses pemilihan pemenang dan tata cara permohonan AINS.

### **2. ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS)**

#### **2.1 PENGENALAN**

Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) merupakan gabungan antara Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Selangor (diperkenalkan mulai tahun 2010) dan Program Cabaran *My Innovation* (diperkenalkan pada tahun 2015) yang bertujuan untuk memberi peluang kepada semua penduduk di Negeri Selangor yang meliputi individu/ orang perseorangan/ penjawat awam, syarikat swasta, pelajar sekolah dan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam mencetus idea baru yang kreatif dan inovatif ke arah pembudayaan inovasi di Negeri Selangor.

#### **2.2 DEFINISI INOVASI**

Inovasi adalah cetus idea-idea kreatif dan inovatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan atau penggunaan sesuatu produk. Idea-idea tersebut boleh diperolehi daripada dalam dan luar atau proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagai idea baru atau adaptasi untuk diguna pakai mengikut keperluan.

Inovasi yang dihasilkan hendaklah berupaya menambah nilai *output* semasa serta membawa transformasi dan perubahan kepada amalan sedia ada. Inovasi boleh berbentuk produk, perkhidmatan, proses atau teknologi.

### **2.3 OBJEKTIF AINS**

- i. Mengumpul maklumat produk/ hasil inovasi;
- ii. Mempromosi dan menonjolkan produk/ hasil inovasi oleh segenap lapisan masyarakat;
- iii. Memberikan pengiktirafan kepada produk/ hasil inovasi terbaik sebagai bentuk galakan kepada masyarakat di Negeri Selangor mengembangkan minat dan potensi yang berteraskan inovasi dan kreativiti; dan
- iv. Memupuk, membudaya dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam pekerjaan dan persekitaran masyarakat di Negeri Selangor.

### **2.4 KATEGORI PERTANDINGAN**

Anugerah Inovasi Negeri Selangor dibahagikan kepada lima (5) kategori utama dan dua (2) anugerah khas seperti berikut : -

- i. Kategori Sektor Awam (AINS-SA).
- ii. Kategori Sektor Swasta.
- iii. Kategori Institusi Pengajian Tinggi (IPT).
- iv. Kategori Sekolah.
- v. Kategori Akar Umbi.
- vi. Anugerah Khas Inovasi Digital Terbaik.
- vii. Anugerah Khas Inovasi Produk Terbaik.

Bagi AINS-SA, terdapat empat (4) trek di dalam kategori ini iaitu Trek Ekonomi, Trek Infrastruktur, Trek Sosial serta Trek Keselamatan & Pentadbiran.

## **2.5 JADUAL PENILAIAN FIZIKAL ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS) TAHUN 2025**

Mekanisme penilaian fizikal bagi Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) melibatkan pengenalpastian produk/ hasil inovasi meliputi 9 (sembilan) daerah dan 12 (dua belas) Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Selangor. Kesemua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan bertindak selaku Penyelaras AINS di kawasan pentadbiran masing-masing. Jadual sesi turun padang dan penilaian awal bagi tahun 2025 adalah seperti berikut :-

- |       |                                   |   |             |
|-------|-----------------------------------|---|-------------|
| i.    | Majlis Perbandaran Sepang         | - | 5 Mei 2025  |
| ii.   | Majlis Bandaraya Subang Jaya      | - | 6 Mei 2025  |
| iii.  | Majlis Perbandaran Kuala Langat   | - | 7 Mei 2025  |
| iv.   | Majlis Perbandaran Selayang       | - | 8 Mei 2025  |
| v.    | Majlis Bandaraya DiRaja Klang     | - | 9 Mei 2025  |
| vi.   | Majlis Perbandaran Ampang Jaya    | - | 13 Mei 2025 |
| vii.  | Majlis Perbandaran Kajang         | - | 14 Mei 2025 |
| viii. | Majlis Bandaraya Shah Alam        | - | 15 Mei 2025 |
| ix.   | Majlis Perbandaran Kuala Selangor | - | 19 Mei 2025 |
| x.    | Majlis Bandaraya Petaling Jaya    | - | 20 Mei 2025 |
| xi.   | Majlis Daerah Sabak Bernam        | - | 21 Mei 2025 |
| xii.  | Majlis Perbandaran Hulu Selangor  | - | 22 Mei 2025 |

## 2.6 SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

Syarat-syarat penyertaan adalah seperti berikut :-

- i. Penyertaan ini terbuka kepada semua penduduk, jabatan/ agensi kerajaan, syarikat-syarikat swasta, sekolah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Negeri Selangor.
- ii. Inovasi yang dihasilkan hendaklah berusia dalam lingkungan tiga (3) tahun (2023 – 2025).
- iii. Setiap peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Namun begitu, hanya penyertaan terbaik sahaja yang akan dipilih sebagai pemenang.
- iv. Setiap penyertaan perlu menggunakan borang rasmi seperti di **LAMPIRAN A** yang boleh didapati di lokasi-lokasi berikut :-
  - a. Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
  - b. Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor.
  - c. Laman sesawang Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di [www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my).
- v. Kos projek/ hasil inovasi adalah menjadi tanggungjawab setiap peserta.
- vi. Penyertaan bagi semua kategori kecuali Akar Umbi perlu mendapatkan kelulusan dan pengesahan daripada Pengurusan Agensi (Ketua Jabatan/ Majikan/ Dekan/ Pengetua/ Guru Besar/ Pentadbiran Sekolah atau pihak-pihak yang berkaitan).
- vii. **Tiada sebarang yuran penyertaan dikenakan.**

viii. Peringkat penilaian adalah seperti berikut :-

**a. Penilaian Fizikal**

Penilaian Fizikal adalah sesi penilaian awal dan terbuka kepada semua penyertaan AINS 2025 yang akan dilaksanakan melalui kaedah seperti berikut:

- i. Kesemua 12 PBT di Negeri Selangor akan bertindak selaku penyelaras di peringkat daerah masing-masing. Semua peserta perlu menyertai pameran secara fizikal di lokasi yang akan ditetapkan oleh PBT pada satu tarikh dan lokasi yang akan dimaklumkan kelak.
- ii. Semua peserta wajib menyediakan dan menghantar dokumentasi beserta pautan/*link* Video Penerangan Projek / persembahan/ demonstrasi di YouTube kepada pihak PBT atau Urus Setia Induk di Bahagian Korporat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

**b. Penilaian Dalam Talian**

Penilaian ini akan dilaksanakan kepada projek inovasi yang layak dan telah melepasi Penilaian Fizikal. Kaedah pelaksanaan bagi Penilaian Dalam Talian adalah seperti berikut:

- i. Semua produk/ hasil inovasi yang terpilih ke Penilaian Dalam Talian akan dinilai berdasarkan dokumentasi dan video penerangan di YouTube yang telah dihantar kepada pihak Urus Setia sebelumnya.
- ii. Sesi soal jawab berkaitan produk/ hasil inovasi akan diadakan secara dalam talian (*video conferencing*) antara peserta dan panel penilai.



- ix. Sekurang-kurangnya seramai tiga (3) orang Panel Penilai akan mengadili penyertaan peserta di peringkat Penilaian Fizikal (bergantung kepada jumlah penyertaan), manakala tiga (3) orang Panel Penilai akan menjadi juri bagi sesi Penilaian Dalam Talian.
  
- x. Penyertaan bagi peserta yang tidak dapat memberikan komitmen dan hadir semasa tarikh penilaian adalah dianggap terbatal secara automatik. Namun begitu, sekiranya terdapat halangan atau sebab yang munasabah untuk dipertimbangkan ianya perlulah dimaklumkan kepada penyelaras di peringkat PBT atau secara terus kepada pihak Urus Setia di Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

## 2.7 SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

Syarat-syarat pertandingan adalah seperti berikut:

- i. Pertandingan ini terbuka kepada penyertaan bagi semua kategori produk/ hasil inovasi.
- ii. Cetusan idea bagi produk/ hasil inovasi mestilah daripada ciptaan asli peserta dan tidak meniru/ meniplak mana-mana produk/ hasil inovasi yang lain.
- iii. Bagi Kategori Sekolah, penyertaan atau produk inovasi perlu dihasilkan oleh murid dan dikawal selia atau dibimbing oleh guru. Sekiranya produk berkenaan dihasilkan sepenuhnya oleh guru, pentadbir atau tenaga pengajar sekolah, ianya hanya layak bertanding di dalam Kategori Sektor Awam sahaja.
- iv. Peserta perlu menyediakan dokumentasi berkaitan produk/ hasil inovasi yang dipilih yang mengandungi perkara-perkara berikut seperti di **LAMPIRAN B**:
  - Tajuk Inovasi
  - Nama Jabatan / Agensi / Institusi
  - Pengenalan
    - Latar belakang ringkas perkhidmatan
  - Penerangan Hasil Inovasi

- Ringkasan hasil inovasi
  - Tarikh inovasi dihasilkan
  - Tujuan Projek Inovasi
  - Proses pelaksanaan inovasi (nyatakan jika dibuat *in-house* atau *out-source*)
  - Proses sebelum dan selepas
  - Elemen penurunan kuasa (jika ada)
  - Kumpulan sasaran dan skop liputan
  - Impak inovasi terhadap kumpulan sasaran
    - Elemen Inovatif / Kreatif
    - Elemen Keberkesanan
    - Elemen Signifikan
    - Elemen Relevan
  - Pengiktirafan diterima
  - Gambar-gambar berkaitan
  - Implikasi Kewangan (jika ada)
  - Penutup
- v. Di samping itu, bagi melengkapkan tata cara penyertaan peserta juga **wajib** menyediakan dan memuat naik **video penerangan/ persembahan/ demonstrasi produk** di YouTube dan mengemukakan pautan/link YouTube (unlisted) video tersebut dengan kriteria seperti berikut :
- a. Video hendaklah berdurasi 05 - 10 minit dengan kandungan yang menjelaskan ciri-ciri, fungsi dan lain-lain yang berkaitan dengan projek inovasi.

- b. Video yang dihasilkan tidak mengandungi unsur yang dianggap sensitif merangkumi penggunaan logo, gambar atau perkataan yang tidak sopan dan menyentuh sensitiviti kaum, budaya dan agama.
- c. Peserta bebas untuk menyediakan video mengikut kreativiti masing-masing. Walau bagaimanapun, pastikan video berkenaan adalah jelas dan terang dari segi suara serta input yang ingin ditonjolkan. Suara atau penceritaan projek daripada peserta diperlukan bagi memudahkan panel membuat penilaian dan memberi komen penambahbaikan.

Pautan/link video hendaklah dinyatakan dengan jelas di dalam Borang Rasmi Penyertaan AINS 2025 dan dihantar kepada PBT berdekatan atau Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (sila rujuk senarai semak di portal rasmi SUK Selangor).

- vi. Penyertaan adalah dibuka kepada semua produk/ hasil inovasi yang dihasilkan dalam **tempoh tiga (3) tahun terakhir (2023 – 2025)** termasuk yang telah dikomersialkan.
- vii. Penggunaan bahan-bahan kitar semula/ terbuang sangat digalakkan.
- viii. Produk inovasi yang telah mempunyai *prototype* adalah satu kelebihan.

- ix. Penggunaan sebarang perisian adalah dibenarkan tetapi ia tertakluk kepada undang-undang berkaitan perkomputeran sedia ada yang terpakai.
- x. Keputusan Panel Penilai/ Juri adalah **muktamad** dan sebarang bantahan adalah tidak dibenarkan.

## 2.8 PROSES PENILAIAN

Proses penilaian bagi Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) adalah seperti berikut :-

### 1. Penilaian Fizikal

- i) Semua peserta wajib menyertai pameran di lokasi yang akan ditetapkan. Panel penilai akan membuat penilaian awal di lokasi tersebut. Produk yang layak ke peringkat seterusnya iaitu Penilaian Dalam Talian akan dimaklumkan oleh PBT.
- ii) Setiap peserta awal diwajibkan membuat persembahan/ demonstrasi produk kepada Panel Penilai dan bersedia menjawab semua pertanyaan dan soalan yang dikemukakan dan memberikan sebarang maklum balas yang diperlukan. Setiap peserta akan diberikan masa selama **10 minit** untuk melaksanakan sesi persembahan/ demonstrasi produk (bergantung kepada keadaan semasa).

### 2. Penilaian Dalam Talian

Semua penyertaan akan dinilai melalui dokumentasi dan video penerangan/ persembahan/ demonstrasi produk. Penilaian berdasarkan kepada skema pemarkahan yang telah disediakan. Sesi soal jawab juga akan dilaksanakan secara dalam talian (*video conferencing*) antara peserta dan panel penilai berdasarkan *platform* dalam talian yang akan ditentukan oleh pihak urus setia.

## 2.9 KRITERIA PENILAIAN


Penilaian dan pemarkahan AINS (selain kategori Sektor Awam) akan mengambil kira komponen seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>KRITERIA PEMARKAHAN</b>	<b>MARKAH (%)</b>
1.	Idea	25
2.	Produk	30
3.	Faedah / Impak	40
4.	Persembahan	5
	<b>MARKAH KESELURUHAN</b>	<b>100</b>

Penilaian dan pemarkahan trek di dalam AINS-SA (kategori Sektor Awam) akan mengambil kira komponen seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>KRITERIA PEMARKAHAN</b>	<b>MARKAH (%)</b>
1.	Berimpak Tinggi	25
2.	Nilai Untuk Wang ( <i>Value for Money</i> )	25
3.	Pendigitalan	25
4.	Kemampanan	25
	<b>MARKAH KESELURUHAN</b>	<b>100</b>

Markah keseluruhan ditentukan dengan menjumlahkan markah semua komponen mengikut wajaran yang ditetapkan. Taraf pencapaian bagi projek secara keseluruhan ditafsirkan melalui pencapaian bintang seperti berikut :-

<b>ANUGERAH</b>	<b>MARKAH (%)</b>
	90 – 100
	70 – 89
	50 – 69

## 2.10 BENTUK ANUGERAH/ PENGHARGAAN

Hadiah dan ganjaran akan diberikan kepada penyertaan yang mendapat 2 markah tertinggi bagi setiap kategori dan trek yang dipertandingkan.

Hadiah dan ganjaran bagi semua kategori dan trek adalah seperti berikut :-

<b>BIL.</b>	<b>KEDUDUKAN</b>	<b>HADIAH</b>
1.	Johan	RM5,000.00, Piala & Sijil Penghargaan
2.	Naib Johan	RM2,500.00 & Sijil Penghargaan
3.	Saguhati	Sijil Penghargaan

Bagi kategori AINS-SA, setiap projek inovasi daripada Agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor bagi setiap trek layak untuk mewakili Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor ke **Pertandingan Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA)** berdasarkan keputusan jawatankuasa penilai.

Selain itu, hadiah dan ganjaran bagi Anugerah Khas adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>ANUGERAH</b>	<b>HADIAH</b>
1.	Anugerah Khas Inovasi Produk Terbaik	RM3,000.00, Piala & Sijil Penghargaan
2.	Anugerah Khas Inovasi Produk Terbaik	RM3,000.00, Piala & Sijil Penghargaan

## **2.11 TATA CARA PERMOHONAN**

Setiap permohonan mestilah mematuhi tata cara permohonan seperti berikut:

- i. Setiap penyertaan perlu menggunakan borang rasmi yang disediakan.
- ii. Setiap penyertaan hendaklah dikemukakan sebelum atau pada **11 April 2025 (Jumaat)** melalui salah satu jabatan/ agensi berikut :-
  - a. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
  - b. Bahagian Korporat, Pejabat SUK Selangor
- iii. Penyertaan mestilah mempunyai perkara-perkara berikut :-
  - a. Borang Rasmi Penyertaan (Lampiran A)
  - b. Dokumen/ Buku Laporan Produk/ Hasil Inovasi (Lampiran B)
  - c. Senarai Semak Permohonan AINS 2025
  - d. Video Penerangan Projek di muatnaik di YouTube (*unlisted*) dan pautan/*link* tersebut dinyatakan dalam Borang Rasmi Penyertaan.



- iv. Pihak Urus Setia berhak menolak mana-mana penyertaan yang tidak mematuhi syarat-syarat penyertaan dan pertandingan.
- v. **Pihak Urus Setia berhak mengubah kategori penyertaan mengikut kelayakan dan kesesuaian peserta. Peserta akan dimaklumkan mengenai perubahan kategori berkenaan.**
- vi. Sebarang pertanyaan mengenai Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) 2025 boleh menghubungi pihak Urus Setia seperti berikut :-

Seksyen Pembudayaan Inovasi  
Bahagian Korporat  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor  
Tingkat Bawah, Bangunan SSAAS  
40503 Shah Alam.

No. Telefon : 03-55447053

E-mel : i. [syamsul.khoir@selangor.gov.my](mailto:syamsul.khoir@selangor.gov.my)  
ii. [mkamil@selangor.gov.my](mailto:mkamil@selangor.gov.my)

**SENARAI SEMAK BAGI PERMOHONAN  
ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS)  
TAHUN 2025**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa perkara-perkara yang dinyatakan telah dipatuhi dengan mengemukakan borang permohonan Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) Tahun 2025 berserta laporan yang dikehendaki :-

**( Sila tandakan ( / ) bagi yang berkenaan )**

Menyertakan **borang penyertaan AINS Tahun 2025** seperti di **Lampiran A** yang telah ditandatangani oleh Ketua Jabatan.

Menyertakan **LIMA (5) salinan Laporan AINS** dalam bentuk *hardcopy*.

Menyertakan **SATU (1) video penerangan/ persembahan/ demonstrasi produk atau projek** melalui **pautan/ link di Youtube**. Sila pastikan pautan/ link *unlisted* (boleh ditonton/ dibuka oleh semua orang). Pautan/ link Youtube tersebut dinyatakan dengan jelas di dalam borang penyertaan AINS Tahun 2025.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN PENYERTAAN AINS: 11 APRIL 2025 (JUMAAT)**

\_\_\_\_\_  
Tarikh

\_\_\_\_\_  
Tanda tangan

**Nama :**

**Jawatan :**

**Cap Jabatan :**